

## CARTA FUNGSI LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)

**TIMBALAN PENGURUS BESAR  
(PEMBANGUNAN)**

### ➤ **BAHAGIAN PERANCANG BANDAR DAN DESA**

#### **UNIT PERANCANGAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH SEKSYEN KAJIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**

- Mengenalpasti kawasan berpotensi yang boleh dibangunkan, menjalankan kajian dan penyediaan pelan pembangunan fizikal kampung, luar bandar dan wilayah,
- Menyediakan pelan cadangan pembangunan di dalam Wilayah KEJORA .
- Mengumpul data berkaitan demografi, keperluan kemudahan awam, keperluan infrastruktur dan utiliti serta gunatanah semasa (landuse and zoning) bagi tujuan perancangan pembangunan.
- Mengurus, menyelaras dan memantau Kemudahan Awam dan Sosial (KAS).

#### **SEKSYEN PENSWASTAAN**

- Memastikan Mesyuarat Management Consultative Committee (MCC) bagi setiap projek pembangunan penswastaan dilaksanakan dalam tahun yang berkenaan.
- Membuat susulan terhadap bahagian yang berkenaan agar perkara yang perlu diambil tindakan telah mula dilaksanakan.
- Meneliti perjanjian dan memantau pelaksanaan projek penswastaan dan kepentingan KEJORA daripada projek usahasama tersebut.
- Mengawalselia projek pembangunan penswastaan dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

#### **SEKSYEN PERANCANGAN PERUMAHAN LUAR BANDAR**

- Mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk cadangan pembangunan perumahan tersusun dan juga Program Bina Rumah (PBR) di dalam wilayah KEJORA
- Melaksanakan kajian dan penyediaan pelan perancangan pembangunan perumahan tersusun merangkumi skop siasatan tapak, kajiselidik, merekabentuk konsep dan susunatur cadangan perumahan tersusun dan penyiapan laporan cadangan pembangunan termasuk anggaran kos pembangunan.

#### **UNIT PENYELARASAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN PROJEK**

- Menyelaras dan melaksanakan projek-projek pembangunan KEJORA yang berbentuk fizikal. Skop adalah merangkumi penyelarasan, siasatan tapak, penyediaan pelan rekabentuk, penentuan anggaran kos, penyediaan dokumen sebutharga, tender , perlantikan perunding (projek tender) dan memproses pembayaran kontraktor dan perunding.
- Menyelaras mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan bersama-sama jabatan teknikal dan pihak berkepentingan yang terlibat
- Penyeliaan dan pemantauan projek-projek pembangunan KEJORA
- Merekod dan memantau kemajuan projek dari aspek fizikal dan kewangan

➤ **UNIT PENGURUSAN FASILITI**

**PENTADBIRAN AM**

- Mengurus tadbir hal-hal pentadbiran unit
- Pengurusan pemantauan aset tak alih jabatan dilaksanakan dengan berkesan (aset fizikal);
- Merangka bajet dan perbelanjaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan aset-aset tak alih jabatan;
- Menguruskan kawalan dan pelaporan projek-projek penyelenggaraan;
- Menyelia perkhidmatan kemudahan awam seperti tandas awam dan bilik bilas di pantai awam Tg Balau;
- Menyelaras pemandu dan kenderaan logistik dibawah seliaan

**LOGISTIK**

- Melaksanakan perkhidmatan penyediaan kemudahan dan peralatan logistik sebagaimana permohonan yang diluluskan;
- Melaksanakan kemasan dan pembersihan selepas tamat program atau majlis;
- Menguruskan penyelenggaraan kemudahan kelengkapan dan peralatan di bawah kawalan;
- Bertanggungjawab mengurus, mengawal dan menyimpan kemudahan dan peralatan logistik sebagaimana peraturan;
- Merangka keperluan kemudahan dan peralatan yang sesuai bagi menyediakan perkhidmatan sesuatu program atau majlis rasmi dan tidak rasmi;
- Memberi keperluan khidmat sokongan serta bantuan kemahiran pertukangan dan logistik.

**OPERASI**

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kebersihan kawasan mengikut zon yang dikenal pasti;
- Merancang dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan kawasan secara kontrak sebutharga;
- Merancang dan melaksana kerja-kerja secara ‘task force’ di luar zon yang ditetapkan mengikut arahan keperluan;
- Menyelaras dan berkolaborasi bersama pihak berkaitan dalam program seperti gotong royong dan CSR;
- Menyelaras operasi kawalan keselamatan pantai Tg Balau dapat dilaksanakan mengikut operasi standard (SOP);
- Merancang dan melaksana program/projek lanskap di wilayah KEJORA;
- Merancang penyediaan rekabentuk hingga perolehan kerja dan pemantauan projek;
- Mengurus penyelenggaraan lanskap di semua premis milik jabatan;
- Menyelaras penyeliaan semua nurseri di bawah kawalan;
- Mengurus dan merekod aset hidup jabatan;
- Menyelaras persiapan pokok hiasan dan lanskap bagi tujuan pelaksanaan majlis dan acara tertentu.

**KEJURUTERAAN**

- Merancang dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan fizikal dan elektrikal bagi aset tak alih dan aset alih jabatan;
- Merancang dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan secara kontrak sebutharga bernilai RM 500,000 dan ke bawah (perkhidmatan, bekalan dan sivil);

- Merancang tindakan pemantauan dan pemeriksaan bagi tujuan penyelenggaraan aset tak alih jabatan termasuk sistem elektrikal dan keselamatan;
- Memberi syor dan khidmat nasihat kepada Bahagian/Unit di KEJORA berkaitan skop penyelenggaraan aset tak alih di bawah kawalan;
- Mengurus perolehan kerja-kerja penyelenggaraan yang diluluskan;
- Menyelaras pemantauan pelaksanaan dan prestasi kerja projek-projek penyelenggaraan;
- Mengurus keperluan khidmat sokongan serta bantuan peralatan elektrikal dan sistem audio;
- Menyelia kontraktor panel yang dilantik bagi kerja-kerja penyelenggaraan.

➤ **BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIAL & PEMAJUAN DESA  
UNIT PEMBANGUNAN SOSIAL & INSTITUSI**

- Merancang dan melaksanakan Program Kepimpinan Organisasi MPKK
  - Menyelia, mengatur dan memantau tugas Penggerak, Mengemaskini sistem SPKPN
  - Merancang, melaksana dan memantau Pelaksanaan Program Modal Insan
- UNIT PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN**
- Menyelaras Program Pembangunan Pendidikan, Menyelaras Program Pembangunan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
  - Menyelaras Program Pembangunan Pendidikan Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Pendidikan Khas, Menyelaras Program Perkongsian Ilmu Wilayah KEJORA
  - Menyelaras Program Peningkatan Kecemerlangan Pendidikan dan Sahsiah Pelajar Sekolah dan Institusi Agama Islam, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah
  - Menyelaras Program kolaborasi Pembangunan Modal Insan & Penyelidikan KEJORA/ iCARE UTM dan Program Kerjasama Pembangunan Wilayah, Pembangunan Modal Insan, Penyelidikan dan Pembangunan UTHM
- UNIT KESEJAHTERAAN RAKYAT**
- Mengurus, menyelaras dan memantau Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Mengurus, menyelaras dan memantau Program Peningkatan Pendapatan (PPP)
  - Melaksana dan memantau hal-hal pentadbiran

➤ **BAHAGIAN PELANCONGAN  
PEMBANGUNAN PROJEK PELANCONGAN**

- Mengenalpasti, mengkaji dan merancang pembangunan pelancongan di wilayah KEJORA.
  - Memantap dan menambahnilai projek pembangunan produk-produk pelancongan yang sedia ada.
  - Merancang untuk mendapatkan peruntukan bagi pembangunan Pelancongan.
  - Menyelaras dan memantau projek-projek pelancongan milik KEJORA.
  - Menyelaras , mengenalpasti dan mengkaji produk-produk baru.
  - Perancangan dan pelaksanaan kajian produk Pelancongan.
- PELANCONGAN DESA**
- Merancang, melaksana dan menyelaras kursus-kursus berkaitan sektor pelancongan.

- Memantau keberkesanan perlaksanaan projek pelancongan desa melalui projek-projek ekonomi.
- Merancang dan melaksanakan program pembangunan homestay melalui penyediaan latihan dan pembangunan infrastruktur.

#### **PEMASARAN DAN PROMOSI**

- Merancang,melaksana dan menyelaras program promosi dan pemasaran produk-produk Pelancongan sekitar Wilayah KEJORA di peringkat domestik dan antarabangsa: Promosi Produk Pelancongan Melalui Bahan Promosi; dan Promosi Produk Pelancongan Melalui Program Promosi Pelancongan.
- Penyertaan Expo dan Pameran Pelancongan.
- Mengenalpasti, merancang, menambahnilai dan memperkasa produk-produk pelancongan baru.
- Mewujudkan rangkaian kerjasama dan networking dengan persatuan pelancongan,pengusaha-pengusaha sektor pelancongan,badan Kerajaan dan bukan Kerajaan berkaitan pelancongan.
- Mempromosi Pakej Pelancongan Desa dan Homestay serta pakej produk Pelancongan yang dibangunkan.

#### **KEBUDAYAAN DAN KESENIAN**

- Mengenalpasti keperluan kebudayaan dan kesenian, merancang dan menyelaras kursus dan merancang dan mengatur program kebudayaan dan kesenian kumpulan kebudayaan KEJORA

#### **UNIT MUZIUM**

- Mengumpul, memelihara dan mempamerkan segala bahan dan maklumat berkaitan dengan nelayan dan industri perikanan, memberi pengetahuan tentang peralatan tradisional yang terdapat di Muzium Nelayan dan sebagai pusat informasi bagi memberikan maklumat yang berkaitan

### ➤ **UNIT TEKNIKAL**

#### **SEKSYEN KEJURUTERAAN (C&S)**

- Melaksana projek-projek pembangunan yang berbentuk fizikal, menyelaras, memantau, menyelia dan mentadbir pengurusan kerja-kerja sebutharga dan kontrak-kontrak pelaksanaan projek pembangunan yang berkaitan dengan jalan, utiliti dan bangunan serta khidmat nasihat berkaitan aspek teknikal dan kejuruteraan awam dan struktur.

#### **SEKSYEN KEJURUTERAAN (M&E)**

- Pelaksanaan pembaikan dan menaiktaraf semua sistem bekalan dan kelengkapan elektrik, mengadakan lawatan dan pemeriksaan tapak bagi kemajuan projek serta khidmat nasihat berkaitan aspek elektrikal.

#### **SEKSYEN UKUR BAHAN**

- Memberi perkhidmatan dalam kerja-kerja pakar ukur bahan di peringkat pra dan pasca kontrak, memberikan khidmat nasihat dan runding cara kos pembinaan, menjalankan pembangunan dan penyelidikan berkaitan dasar mengenai tender dan kontrak kerajaan dan khidmat keurusetiaan tender, kontrak dan pelantikan perunding ikhtisas.

#### **SEKSYEN SENIBINA**

- Menyedia dan menafsir lukisan projek pembangunan dan pelan rekabentuk di dalam penyediaan projek pembangunan di KEJORA, merancang serta menyediakan khidmat teknikal dan membantu mengawas aktiviti pembinaan di tapak supaya menepati spesifikasi yang ditetapkan